



Lima kawasan catat cuaca panas tahap satu - MetMalaysia

25 Mei 2023 07:22pm

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) hari ini mengeluarkan status cuaca panas tahap satu (berjaga-jaga) bagi empat kawasan di Semenanjung dan satu di Sarawak.

Menurut data kemas kini cuaca panas yang dimuat naik di Facebook jabatan itu setakat jam 4.30 petang ini, empat kawasan di Semenanjung melibatkan Pasir Mas dan Kuala Krai di Kelantan, serta Raub dan Bentong di Pahang.

Sementara kawasan di Sarawak yang berada pada tahap satu ialah Selangau.

Tahap berjaga-jaga tersebut merujuk kepada suhu maksimum harian 35 hingga 37 darjah Celsius sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

Maklumat terkini status cuaca panas harian boleh dirujuk di <https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>. - Bernama